**BAHAGIAN PENGURUSAN KORPORAT**
**IBU PEJABAT**
**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**
***Fire And RescueDepartment of Malaysia***
Aras 5, LebuhWawasan, Presint 7
62250 Putrajaya
MALAYSIA

Telefon: 603-88880036
Faks: 603-8888 0840
Portal Rasmi: www.bomba.gov.my
Emel: korporat@bomba.gov.my

# KENYATAAN MEDIA

## MENTERI KPKT DIANUGERAH PANGKAT KEHORMAT JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

**KUALA LUMPUR, 16 JANUARI 2023** – YB Tuan Nga Kor Ming (KM), Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) hari ini dianugerahkan pangkat Timbalan Kanan Pesuruhjaya Bomba (Kehormat) oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

Majlis penganugerahan pemakaian pangkat ini telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Dato' Sri Ts. Mohammad Hamdan bin Hj. Wahid bertempat di Dewan Sutera, Ibu JBPM, Putrajaya.

Hadir sama pada majlis ini, Muhammad Razman bin Abu Samah,Timbalan Ketua Setiausahan (Pengurusan dan Pembangunan) Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan.

YB KM kemudian mengambil tabik hormat dan melakukan pemeriksaan kawalan kehormatan yang terdiri daripada dua pegawai dan 99 anggota lain-lain pangkat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia diketuai Penguasa Kanan Bomba II Muhammad Firdaus Khan bin Anwat Khan di perkarangan ibu pejabat diikuti sesi taklimat organisasi JBPM.

YB KM yang juga Ahli Parlimen Teluk Intan dilantik menganggotai Jemaah Menteri Kerajaan Perpaduan memegang portfolio Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, setelah mengangkat sumpah di Istana Negara pada 3 Disember tahun lalu.

Disediakan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
16 Januari 2023



**CERTIFIED TO ISO 9001:2015**
**CERT. NO QMS 02101**

**CERTIFIED TO ISO 37001:2016**
**CERT. NO ABMS 00216**